

**Penggunaan Bahasa Sohor Kini (*Trending*) dalam TikTok oleh
Mahasiswa Berdasarkan Teori Relevans dan Kesan Penggunaannya**
(*The Use of Trending Words in TikTok by Students Based on the Theory of
Relevance and its Effects*)

¹ INTAN FAZLIN NATASHA MOHD FAWZI & ²NUR FARAHHANNA MOHD RUSLI

^{1,2}*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

Dihantar: 20 November 2025 / Diterima: 15 Januari 2026
Koresponden e-mel: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini dijalankan bertujuan menganalisis penggunaan bahasa sohor kini (*trending*) dalam *TikTok* oleh mahasiswa berdasarkan Teori Relevans. Terdapat dua objektif kajian ini, iaitu menghuraikan kefahaman makna dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) berdasarkan Teori Relevans dan menjelaskan kesan penggunaan bahasa sohor kini. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dilaksanakan secara kualitatif. Kaedah pengumpulan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis dokumen. Instrumen kajian yang digunakan pula terdiri daripada borang maklum balas yang mempunyai 15 perkataan atau frasa sohor kini yang perlu diberikan maknanya oleh responden. Borang soal selidik ini diisi oleh 20 orang responden yang merupakan mahasiswa UPSI. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa semua mahasiswa memahami perkataan atau frasa bahasa sohor kini dan mereka mengetahui cara penulisan ayat menggunakan perkataan sohor kini dengan baik berdasarkan Teori Relevans. Dari segi kesan, penggunaan bahasa sohor kini yang tidak terkawal boleh menjejaskan kesantunan berbahasa, kegagalan penutur menggunakan bahasa Melayu dengan baik serta boleh menyebabkan kecelaruan dalam berbahasa.

Kata Kunci: Sohor Kini, *TikTok*, Mahasiswa, Teori Relevans, Kesan Penggunaan

ABSTRACT: This study was conducted to study the analysis of the use of trendy language in *TikTok* by students based on Relevance Theory. The researcher chose three objectives for this study, namely to identify the use of trendy language in *TikTok* by students based on Relevance Theory, describe the understanding of meaning among students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) based on Relevance Theory and explain the effects of using trendy language. This study is a survey study conducted qualitatively. The data collection method of the study was done using the library method and the document analysis. The study instrument used consisted of a feedback form that had 15 trending words or phrases that the respondent had to give their meaning. This questionnaire was filled out by 20 respondents who were students of UPSI. The study findings clearly showed that all students understood trendy language words or phrases and they knew how to write sentences using trendy words well based on Relevance Theory. The researcher also discussed the effects of using trendy language, namely affecting language politeness, not using Malay properly, language confusion, threatening the ability to speak formally and the implications for the next generation of the country if the use of trendy language is not addressed immediately.

Keywords: Current Popular Language, *TikTok*, Students, Theory of Relevance, Effects

PENGENALAN

Kesantunan berbahasa merupakan salah satu aspek penting dalam kajian sosiolinguistik yang meneliti hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Konsep kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang santun, halus dan beradab, yang mencerminkan nilai,

budi pekerti serta budaya tinggi dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu, selaras dengan peraturan dan norma linguistik yang ditetapkan. Dalam konteks masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu, kesantunan berbahasa diberi penekanan yang tinggi kerana penggunaan bahasa yang baik dan beretika sering menjadi ukuran dalam proses komunikasi antara penutur. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesantunan dalam berkomunikasi bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat, malah dapat mencerminkan keperibadian, sikap dan nilai sosial individu.

Kesantunan berbahasa dan ketidaksantunan berbahasa turut berfungsi sebagai indikator keperibadian individu. Bahasa yang santun akan mencerminkan sikap dan nilai positif penutur, manakala bahasa yang tidak santun pula memperlihatkan perilaku yang bertentangan dengan nilai-nilai positif ketika berkomunikasi. Menurut Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2012), ketidaksantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang bersifat kasar atau kasar oleh penutur terhadap pendengar dalam situasi perbualan tertentu dengan tujuan tertentu. Dalam konteks yang lebih luas, ketidaksantunan berbahasa dapat ditafsirkan sebagai manifestasi perilaku negatif individu yang melibatkan penggunaan ujaran yang tidak selaras dengan prinsip dan norma kesantunan yang terdapat dalam sesebuah budaya.

Bahasa slanga telah dikenal pasti sebagai salah satu ragam bahasa yang kerap digunakan oleh golongan remaja kini. Noriah et al. (2015) menjelaskan bahasa slanga merujuk kepada variasi bahasa yang digunakan oleh kelompok penutur tertentu. Bahasa slanga dituturkan mengikut musim dan tidak kekal, iaitu istilah-istilah yang digunakan berkemungkinan akan lenyap atau tidak lagi dituturkan sejajar dengan peredaran waktu. Bahasa slanga mempunyai kosa kata yang terhad, kadang kala bersifat kreatif dan mempunyai unsur lucu. Kosa kata dalam bahasa slanga juga membawa makna tersendiri yang lazimnya hanya difahami oleh kelompok penutur yang menggunakannya, sekali gus menjadikannya sebagai penanda identiti sosial dalam kalangan komuniti tersebut.

Selain bahasa slanga, bahasa rancu juga dikenal pasti sebagai salah satu bentuk penggunaan bahasa yang semakin menonjol dalam komunikasi generasi muda. Menurut Nurkhairunnisha Amani et al. (2022), bahasa rancu merujuk kepada keadaan bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk akibat pelanggaran peraturan bahasa. Pelanggaran tersebut merangkumi aspek perbendaharaan kata, tatabahasa, laras bahasa, kosa kata, ejaan, sebutan serta peristilahan. Takrif ini selari dengan definisi yang dikemukakan dalam

Kamus Bahasa Melayu (2017), yang menjelaskan bahawa perkataan *rancu* ialah kata adjektif yang membawa maksud bercampur aduk atau kacau, khususnya dalam konteks penggunaan bahasa. Justeru, penggunaan bahasa rancu bukan sahaja mencerminkan ketidakpatuhan terhadap norma linguistik, malah berpotensi menjejaskan tahap kesantunan dan kejelasan dalam proses komunikasi.

Selain faktor variasi bahasa seperti bahasa slanga dan bahasa rancu, perkembangan pesat bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) turut mempengaruhi penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Kemajuan teknologi ini membolehkan pelbagai urusan, termasuk pencarian maklumat, penyebaran pengetahuan dilakukan dengan mudah hanya di hujung jari. Kajian oleh Syazwana et al. (2021) menunjukkan bahawa media sosial berfungsi sebagai saluran utama penyampaian maklumat, pengetahuan dan hiburan yang dapat diakses secara pantas dan meluas. Medium ini bukan sahaja memudahkan proses komunikasi dan interaksi, malah membolehkan hubungan dijalin merentasi sempadan geografi tanpa halangan.

Selari dengan peningkatan penggunaan media sosial, perkembangan platform digital membolehkan interaksi dua hala berlaku secara lebih aktif antara pengguna melalui pelbagai kemudahan komunikasi, seperti ruang perbualan dan ciri interaksi dalam talian yang lain. Persekitaran digital ini telah melahirkan istilah-istilah baharu, antaranya *influencer*, mikro selebriti dan pempengaruh media sosial. Pempengaruh merujuk kepada individu yang memperoleh populariti dan pengaruh melalui platform media sosial, sekali gus berperanan sebagai selebriti dalam ruang digital. Menurut Sari Anjani dan Irwansyah (2020), golongan pempengaruh ini tidak semestinya terdiri daripada selebriti arus perdana, sebaliknya boleh terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk masyarakat biasa, golongan elit mahupun golongan profesional. Fenomena ini menunjukkan bahawa media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, malah turut membentuk struktur sosial dan pola interaksi baharu yang berpotensi mempengaruhi penggunaan serta kesantunan bahasa dalam wacana digital.

Jelas bahawa penggunaan bahasa dalam media sosial oleh golongan remaja dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk variasi bahasa seperti bahasa slanga dan bahasa rancu, serta perkembangan pesat bidang TMK. Media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium interaksi dan perkongsian maklumat, malah menjadi ruang pembentukan identiti sosial remaja melalui penggunaan bahasa yang bersifat kreatif, ringkas dan bersifat kelompok. Namun demikian, kecenderungan penggunaan bahasa slanga dan

bahasa rancu dalam komunikasi digital berpotensi menjejaskan pematuan terhadap norma linguistik dan kejelasan makna, terutamanya apabila digunakan secara meluas tanpa kawalan.

Dalam konteks kesantunan berbahasa, penggunaan bahasa dalam media sosial oleh remaja memperlihatkan cabaran yang semakin ketara. Interaksi yang berlaku secara pantas, terbuka dan tanpa batasan sering mendorong penggunaan ujaran yang kurang santun, termasuk bahasa kasar, sindiran dan ungkapan

yang melanggar norma kesopanan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesantunan berbahasa dalam wacana digital memerlukan perhatian serius, khususnya dalam usaha membentuk kesedaran remaja agar lebih beretika dan bertanggungjawab dalam penggunaan bahasa di media sosial. Oleh itu, pemupukan nilai kesantunan berbahasa dalam ruang digital wajar diberi penekanan bagi memastikan komunikasi dalam talian berlangsung secara berhemah, beradab dan selaras dengan norma masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahasa slanga dan bahasa rojak dalam media sosial memberi pengaruh terhadap corak penggunaan bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian (Mahdzir 2017). Dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, pelbagai cabaran perlu ditangani, antaranya kecenderungan pengguna media sosial yang mengutamakan kepantasan menaip mesej berbanding ketepatan penggunaan bahasa, termasuk aspek kosa kata, ejaan dan tatabahasa. Beliau menegaskan bahawa masyarakat perlu bersikap konsisten dan berdisiplin dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul. Sehubungan itu, penggunaan bahasa kebangsaan wajar diperkukuh, khususnya dalam sektor kerajaan, sektor swasta dan di tempat awam. Justeru, setiap penutur bahasa perlu menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang standard dan santun agar dapat menjadi teladan kepada generasi muda dalam mengamalkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan berkesan.

Kepincangan pengamalan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia bukanlah suatu isu yang baharu. Fenomena ini didorong oleh peningkatan penggunaan bahasa sohor kini, seperti bahasa slanga, bahasa rancu atau rojak serta percampuran kod yang semakin meluas khususnya dalam kalangan generasi muda. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana golongan muda dilihat semakin terdedah kepada penggunaan bahasa yang menyimpang daripada norma kesantunan dan peraturan bahasa. Sehubungan itu, Firdaus (2022) menyatakan bahawa penggunaan bahasa kini, terutamanya dalam kalangan generasi muda, semakin tidak terkawal apabila bahasa slanga yang digunakan mula menunjukkan unsur pencemaran bahasa. Situasi ini menggambarkan bahawa tahap kesantunan berbahasa dalam pertuturan generasi muda di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan dan memerlukan perhatian serius. Justeru, penguasaan serta penggunaan bahasa Melayu standard yang betul, tepat dan

santun dilihat sebagai keperluan mendesak bagi menangani isu penggunaan bahasa sohor kini dalam kehidupan seharian.

Selanjutnya, penyebaran bahasa sohor kini semakin meluas disebabkan oleh penggunaan pelbagai aplikasi media sosial seperti TikTok. Fenomena ini diperkuatkan oleh kajian Andriyana et al. (2021) yang menjelaskan bahawa corak penggunaan bahasa masyarakat dipengaruhi oleh kandungan yang disiarkan melalui platform tersebut. Dalam kehidupan seharian, perkataan-perkataan yang digunakan oleh pengengaruh atau istilah sohor kini sering dijumpai dalam TikTok dan seterusnya diterapkan dalam komunikasi harian pengguna, khususnya golongan muda. Hal ini menyumbang kepada kemerosotan penguasaan bahasa Melayu, kerana perkataan-perkataan yang dicipta sendiri oleh pengengaruh sering kali tidak mematuhi tatabahasa Melayu yang tepat, menyebabkan penonton atau pendengar meniru penggunaan tersebut. Fenomena ini menekankan bahawa pengaruh media sosial semakin dominan dalam membentuk gaya bahasa generasi muda. Penggunaan bahasa yang tidak baku bukan sahaja menjejaskan keaslian bahasa Melayu, malah menghakik nilai tatabahasa yang betul dalam kalangan pengguna muda, yang lebih terdedah kepada kandungan hiburan berbanding sumber bahasa yang sah.

Penggunaan bahasa sohor kini semakin meluas, terutamanya akibat pengaruh video artis dan pengengaruh di media sosial. Pernyataan ini disokong oleh Hidayah et al. (2019) yang menyifatkan bahawa golongan artis dan selebriti juga menggunakan bahasa rojak semakin berleluasa terutama dalam laman akaun media sosial mereka. Golongan artis dan selebriti dilihat kerap menggunakan bahasa rojak dalam komunikasi mereka, termasuk penggunaan bahasa Inggeris dalam struktur ayat bahasa Melayu. Keadaan ini mendorong masyarakat, khususnya pengikut media sosial, mengamalkan gaya pertuturan yang serupa, sekaligus menyebabkan penggunaan bahasa sohor semakin meningkat. Sekiranya pencemaran bahasa ini tidak ditangani,

ia berpotensi menghalang usaha pihak berkuasa dalam merealisasikan matlamat menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu yang bermutu tinggi. Oleh itu, pengengaruh perlu memikul tanggungjawab untuk menjadi contoh teladan dalam penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan santun kepada pengguna media sosial lain.

Dalam konteks yang sama, penggunaan bahasa Melayu standard semakin ditinggalkan, yang memberi kesan negatif terhadap penguasaan dan kualiti bahasa dalam masyarakat. Pengaruh media sosial telah menyebabkan generasi muda cenderung menggunakan bahasa yang lebih “trendy” dan moden, sekaligus mengabaikan tatabahasa dan kesantunan berbahasa yang betul. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, mantan Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2021, menekankan bahawa penggunaan bahasa yang tidak terkawal dari segi peraturan bahasa dan tatasusila menyumbang kepada kemerosotan mutu Bahasa Melayu (Utusan Malaysia, 2021). Beliau turut menyatakan bahawa fenomena ini memberi impak langsung kepada masyarakat, khususnya golongan pelajar, di mana gaya bahasa yang digunakan dalam media sosial mudah menjadi ikutan. Tambahan pula, sebahagian pengengaruh media sosial bersaing untuk meraih populariti sehingga menggunakan bahasa yang dianggap “*mesra khalayak*”, tetapi pada

masa yang sama menghakis struktur bahasa Melayu yang teratur dan santun. Oleh itu, penutur bahasa Melayu perlu menekankan kepentingan memartabatkan penggunaan bahasa yang tepat, betul dan santun agar generasi muda dapat menuturkan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan seharian.

Penggunaan bahasa dalam media sosial oleh generasi muda kini menunjukkan trend yang membimbangkan kerana bahasa slanga, bahasa rancu, bahasa rojak dan istilah baharu yang dicipta oleh pengengaruh digital telah meluas penggunaannya. Fenomena ini diperkukuh oleh kemajuan teknologi dan platform digital yang memudahkan penyebaran bahasa secara pantas, sekaligus membentuk gaya komunikasi yang berbeza daripada norma bahasa tradisional. Akibatnya, penguasaan bahasa Melayu standard semakin terabai, diikuti dengan penurunan tahap kesantunan berbahasa dalam interaksi seharian. Penggunaan istilah yang tidak mematuhi tatabahasa dan norma kesopanan telah menyebabkan bahasa yang digunakan dalam media sosial mudah menjadi ikutan remaja, sekaligus menjejaskan kualiti komunikasi dan pemupukan identiti bahasa Melayu. Keadaan ini menekankan kepentingan mendesak untuk menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang tepat, betul dan santun dalam ruang digital, supaya generasi muda dapat menuturkan bahasa secara berkesan, beretika dan selaras dengan norma linguistik yang ditetapkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- | | |
|--|---------------------------------------|
| 1. Menghuraikan kefahaman makna bahasa sohor kini dalam kalangan | mahasiswa berdasarkan Teori Relevans. |
| 2. Menjelaskan kesan penggunaan bahasa sohor kini. | |

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis dokumen. Kaedah kepustakaan dijalankan terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan isu yang akan dikaji dengan merujuk bahan-bahan bertulis seperti buku ilmiah, disertasi, jurnal dan sebagainya. Sumber ini membantu dalam mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang skop kajian yang dijalankan selain dapat memperluaskan pemahaman tentang pelbagai idea yang disumbangkan oleh para sarjana berkaitan dengan topik kajian. Kaedah pengumpulan data yang kedua ialah kaedah analisis dokumen. Kaedah ini diperoleh menggunakan instrumen borang maklum balas yang diedarkan kepada

responden. Kaedah analisis dokumen ini dilakukan untuk meneliti, mengkategorikan maklumat dan menganalisis data yang diberikan responden dalam borang maklum balas yang disediakan.

Seterusnya, instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan borang maklum balas yang dibina oleh penyelidik dalam bentuk *Google Form*. Borang maklum balas ini dibina oleh penyelidik sejajar dengan keperluan penyelidikan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Muda pada semester ketujuh dan kelapan pengajian. Borang maklum balas ini juga telah disemak oleh tenaga pengajar kursus Projek Tahun Akhir dan pensyarah penyelia yang menjadi mentor dalam penulisan penyelidikan ini. Borang maklum balas yang telah disediakan diedarkan secara talian kepada responden

kajian, mengikut kesesuaian tujuan kajian. Borang maklum balas ini mempunyai dua bahagian, iaitu Bahagian A yang mempunyai soalan berkaitan demografi responden, manakala Bahagian B yang terdiri daripada 15 soalan berbentuk soalan terbuka berkaitan bahasa sohor kini yang digunakan dalam TikTok. Responden perlu menulis makna bagi setiap perkataan sohor kini Yang terdapat dalam borang maklum balas.

Responden kajian melibatkan 20 orang mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) daripada pelbagai program, iaitu program AT05-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Keupujian, AT06-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua, TESL) dengan Keupujian, AT01-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kesusasteraan Melayu) dengan keupujian, AT12-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Fizik) dengan keupujian, dan AT16-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains) dengan

keupujian, AT33-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) dengan keupujian dan AT58-Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Malaysia) dengan Keupujian.

Penganalisan data merupakan suatu peneliti data dan maklumat yang telah diperolehi hasil jawapan yang diberikan oleh responden melalui borang maklum balas yang disediakan. Analisis data melibatkan pemilihan, pengaturan dan menggabungkan semua data dan maklumat yang berkaitan dengan isu kajian. Dari segi prosedur penganalisan data, maklumat yang diperolehi daripada borang maklum balas responden akan dikategorikan dan dianalisis mengikut objektif kajian. Pengumpulan dan penyaringan data perlu dibuat terlebih dahulu sebelum dianalisis supaya data yang diperolehi lebih tersusun dan sempurna. Data-data yang diperolehi kemudiannya akan dianalisis dengan mengaitkan tiga ciri yang terdapat dalam Teori Relevans, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden


Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan maklum balas responden melalui edaran borang secara

dalam talian atau *Google Form*. Berikut disertakan maklumat demografi responden:

Jantina

Berdasarkan Rajah 1, bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 20 orang mahasiswa UPSI. Bilangan responden

lelaki dan perempuan adalah sama, iaitu masing-masing 10 orang responden bagi sesuatu jantina dengan kedua-duanya mewakili 50 peratus.




RAJAH 1: Jumlah responden mengikut jantina

Semester

Berdasarkan Rajah 2, sebahagian besar responden yang terlibat merupakan mahasiswa daripada semester 7, iaitu seramai 11 orang responden mewakili 55 peratus daripada keseluruhan responden. Seterusnya, mahasiswa daripada semester 3 mencapai kekerapan kedua tertinggi, iaitu sebanyak empat orang dengan peratusan 20 peratus, diikuti dengan responden daripada semester 8 iaitu seramai dua orang

dengan peratusan sebanyak 10 peratus. Akhir sekali, responden daripada semester 1, semester 5 dan semester 6 masing-masing mempunyai jumlah peratusan 5 peratus dengan masing-masing mencatat bilangan seorang sahaja responden. Data juga menunjukkan responden daripada semester 2 dan 4 tidak terlibat dalam kajian ini.




RAJAH 2: Jumlah responden mengikut semester

Program

Rajah 3 menunjukkan peratusan responden mengikut program di UPSI yang terlibat dalam penyelidikan ini. Responden yang paling ramai yang terlibat dalam kajian ini adalah mahasiswa daripada program AT05 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian dengan sebanyak tujuh orang atau dengan 35 peratus. Seterusnya, peratusan kedua tertinggi melibatkan mahasiswa daripada program AT06 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua-TESL) dengan Kepujian dengan peratusan sebanyak 20 peratus atau empat orang. Mahasiswa daripada program AT01 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kesusasteraan Melayu) dengan Kepujian yang

terlibat pula ialah 15 peratus atau tiga orang responden. Selain itu, mahasiswa daripada program AT33 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) dengan Kepujian dan AT58 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Malaysia) dengan Kepujian turut terlibat sebagai responden dengan masing-masing mempunyai nilai peratusan yang sama, iaitu 10 peratus atau dua orang. Akhir sekali, mahasiswa daripada program AT12 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Fizik) dengan Kepujian dan program AT16 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains) dengan Kepujian juga turut menjadi responden dengan masing-masing mewakili 5 peratus atau seorang sahaja dalam kajian ini.



RAJAH 3: Maklumat responden mengikut program

Objektif 1: Kefahaman Makna Bahasa Sohor Kini dalam Kalangan Mahasiswa berdasarkan Teori Relevans

Bahagian ini menghuraikan kefahaman makna bagi lima perkataan sohor kini (*trending*) yang dipilih secara rawak daripada borang maklum balas, yang digunakan dalam TikTok oleh mahasiswa. Pada bahagian ini juga, makna-makna perkataan turut dijelaskan berdasarkan *Oxford Learner's Dictionary, Cambridge Dictionary, Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010),

Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ PRPM DBP (2017), *Kamus Glosbe Indonesia* (2024) dan akhbar secara dalam talian memandangkan bahasa sohor kini yang digunakan penutur kebanyakannya bukan daripada bahasa Melayu sahaja, sebaliknya merupakan kata-kata pinjaman yang diserap daripada pelbagai sumber seperti bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris.

'Selekt'

i.	Bahasa sumber	:	Bahasa Inggeris
ii.	Istilah/ejaan yang tepat	:	<i>Select</i>
iii.	Maksud sebenar	:	<i>To choose somebody/something from a group of people or things, usually according to a system</i>
iv.	Makna yang difahami dalam konteks media sosial	:	Memilih

Bahasa sumber bagi perkataan '*selekt*' merupakan Bahasa Inggeris, iaitu *select* yang bermaksud *to choose somebody or something from a group of people or things, usually according to a system* (Oxford Learner's Dictionary, 2022). Dalam bahasa Melayu, perkataan *select* bermaksud memilih.

Berdasarkan data, didapati bahawa responden menggunakan perkataan '*selekt*' dalam TikTok yang merujuk kepada makna memilih. Berikut merupakan tangkap layar soalan dan jawapan responden bagi penggunaan kata '*selekt*' oleh responden:

2/6/24, 5:58 PM ANALISIS PENGGUNAAN BAHASA SOHOR KINI DALAM TIKTOK OLEH MAHASISWA BERDASARKAN TEORI RELEVANS

BAHAGIAN B- MAKNA PERKATAAN SOHOR KINI YANG DIFAHAMI OLEH RESPONDEN

Berdasarkan perkataan sohor kini dibawah, nyatakan maksud yang anda fahami berkaitan perkataan tersebut dan berikan satu ayat mudah. Anda dikehendaki menulis (1) bagi perkataan yang difahami dan (2) untuk contoh ayat mudah yang akan dibina.

Contoh:
Contoh Perkataan: **Palatau**
1. Pura-pura tahu
2. Kau ni takyah nak palatau la.

4. 1. **Selekt** *

RAJAH 4: Tangkap layar bagi soalan '*selekt*'

E
1. Selek
1. Memilih
2. Selek do kau
1. Memilih
2. alaaa selek lah kau
1. Memilih 2. Jangan selek la
1. memilih 2. kau ni selek ah.
1. Memilih 2. Ko ni selek lah
1. Memilih 2. Makan pun nak selek ke?
1. Memilih 2. Selek siot perempuan ni
1. Memilih dalam berkawan 2. Makan pun nak selek.
1. Memilih 2. Kau sekarang ni makin selek yer. Taknak kawan dah dengan kitorang.
1. Memilih
2. Selek dah sekarang
1. Memilih 2. Selek sangat kau ni pilih pasangan.
1. Memilih 2. Jangan selek sangat, susah nanti.
1. Memilih
2. Kenapa selek sangat kau ni?
1. Memilih
2. Kau ni selek sia
1. Memilih
2. Kau makin selek sejak terkenal ni
1. Pilih
2. Selek ah ko
1. Memilih
2. Kenapa selek sangat ni?
1. Memilih
2. Tak perlu selek sangat cari pasangan.
1. Pilih
2. Apa lah kamu ni selek lah sekarang
1. Orang yang suka memilih jika berkawan
2. Atul tak ramai kawan sebab selek

RAJAH 5: Tangkap layar jawapan responden bagi soalan 'selek'

JADUAL 1: Contoh ayat bagi perkataan 'selek'

Responden	Ayat
1	'Selek' do kau
2	Alaaa 'selek' lah kau
3	Jangan 'selek' la
4	Kau ni 'selek' ah
5	Ko ni 'selek' lah
6	Makan pun nak 'selek' ke?
7	'selek' siot perempuan ni
8	Makan pun nak 'selek'
9	Kau sekarang ni makin 'selek' yer. Taknak kawan dah dengan kitorang.
10	'Selek' dah sekarang
11	'Selek' sangat kau ni pilih pasangan.
12	Jangan 'selek' sangat, susah nanti.
13	Kenapa 'selek' sangat kau ni?
14	Kau ni 'selek' sia
15	Kau makin 'selek' sejak terkenal ni
16	'Selek' ah ko
17	Kenapa 'selek' sangat ni?
18	Tak perlu 'selek' sangat cari pasangan.
19	Apa lah kamu ni 'selek' lah sekarang
20	Atul tak ramai kawan sebab 'selek'

Berdasarkan Jadual 1, terdapat dua pola penggunaan perkataan ini iaitu, i) perkataan 'selek' yang bermaksud 'memilih', dan ii) 'selek' yang bermaksud sombong. Responden 1, 2, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19 dan 20 menulis ayat menggunakan perkataan 'selek' yang menunjukkan maksud memilih seperti ayat yang ditulis oleh responden 1, iaitu "selek do kau". Dalam bahasa Melayu, ayat ini bermaksud "kamu sangat memilih". Berdasarkan contoh ayat yang dihasilkan oleh responden, terdapat empat pola binaan ayat berdasarkan konteks, iaitu konteks pemilihan makanan, konteks persahabatan, pasangan dan sombong.

Berdasarkan Jadual 1 juga, dua orang responden menggunakan perkataan 'selek' sebagai makna memilih dalam konteks pemilihan makanan. Contoh ayat yang diperoleh daripada responden 6 iaitu "makan pon 'selek' ke?" telah menunjukkan bahawa perkataan 'selek' yang ditafsir oleh responden dengan maksud "makan pun kamu memilih juga?". Selanjutnya, responden 8 juga memberikan contoh ayat "makan pun nak selek" atau ayat bahasa Melayu yang tepat iaitu, "Makan pun kamu mahu memilih". Ayat ini memperlihatkan responden tersebut memarahi seseorang kerana memilih atau cerewet dalam pemilihan makanan.

Di samping itu, perkataan 'selek' juga digunakan sebagai makna memilih dalam konteks persahabatan. Hal ini dapat diperhatikan dalam dapatan kajian daripada penulisan ayat responden 9, 11, 18 dan 20.

Contoh ayat daripada responden 9 iaitu, "Kau sekarang ni makin selek yer. Taknak kawan dah dengan kitorang" yang bererti "Kamu sekarang semakin memilih ya. Kamu sudah tidak mahu berkawan dengan kami". Kemudian, responden 20 juga mengungkapkan perkataan 'selek' dalam ayat, "Atul tidak ramai kawan sebab selek". Makna sebenar bagi ayat di atas dalam konteks bahasa Melayu yang betul ialah "Atul tidak ramai kawan kerana terlalu memilih." Selain itu, responden 11 dan 18 memberikan makna 'selek' atau pemilihan dalam sudut pasangan. Responden 11, iaitu "selek sangat kau ni pilih pasangan" yang bermaksud "Kamu memilih sangat dalam memilih pasangan". Responden 18 pula menggunakan perkataan 'selek' dalam ayat "Tak perlu selek sangat cari pasangan". Berdasarkan contoh-contoh di atas, jelaslah bahawa responden menggunakan perkataan 'selek' yang bermaksud memilih.

Sungguhpun demikian, terdapat satu lagi pola penggunaan perkataan 'selek', iaitu merujuk kepada tingkah laku sombong atau dalam bahasa pasar disebut sebagai 'kerek'. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), 'sombong' bermaksud tinggi hati, angkuh dan bongkak. Perasaan sombong ini berlaku apabila individu merasakan bahawa diri mereka lebih hebat berbanding orang lain. Apabila individu bersifat sombong, mereka cenderung untuk memilih rakan dari kalangan mereka sahaja kerana mereka berasa lebih baik berbanding orang lain. Sikap sombong sering kali dikaitkan dengan kecenderungan untuk menunjukkan bahawa keangkuhan terhadap individu lain. Oleh itu,

individu yang sombong akan memilih rakan yang mereka anggap sepadan dengan tahap mereka sendiri.

Hal ini dapat dilihat berdasarkan ayat daripada dua orang responden iaitu responden 7 dan 15. Sebagai contoh, ayat yang ditulis oleh responden 7 jelas menunjukkan bahawa perkataan *'selek'* mempunyai maksud yang sama dengan kerek iaitu *"selek siot perempuan ni"*. Makna sebenar bagi ayat tersebut ialah *"sombongnya perempuan ini"*. Selain itu, responden 20 pula menghasilkan ayat *"Kau makin selek sejak terkenal ni"* yang bermaksud *"Kamu semakin sombong sejak terkenal ini"*. Ayat tersebut dapat menjelaskan bahawa perkataan *'selek'* mempunyai dua pola yang berbeza iaitu memilih dan sombong. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa responden memahami makna *'selek'* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana responden mampu menggambarkan contoh ayat yang sesuai merujuk kepada maksud perkataan ini.

Berdasarkan Teori Relevans, semakin tinggi kesan konteks yang diperolehi, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevan ujaran tersebut. Analisis Teori Relevan menunjukkan bahawa responden mudah memahami istilah *'selek'* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana responden memahami perkataan *'selek'* ini mempunyai dua maksud yang berlainan iaitu memilih dan sombong. Data kajian dalam jadual di atas menjadi sumber bagi mendapatkan maksud yang lebih jelas untuk perkataan tersebut. Andaian-andaian yang dibina akan menuju ke arah pengembangan konteks perkataan ini yang menggambarkan keadaan memilih atau bersifat sombong. Berdasarkan pelbagai andaian yang telah diperolehi, didapati bahawa data yang telah dihasilkan oleh responden merupakan data yang relevan dan sesuai. Sesuatu kerelevanan dalam andaian ini dapat dibuktikan oleh data dan maklumat-maklumat yang diperolehi mengikut konteks perkataan *'selek'* ini.

Perkara ini bertepatan dengan pandangan Sperber dan Wilson (1986) dalam Hashimah (1998) yang berpendapat bahawa sesuatu

andaian dapat dijalinan dengan konteks bagi melahirkan implikasi atau kesan konteks. Hal ini bertepatan dengan responden yang mentafsir makna perkataan *'selek'* dengan contoh ayat daripada responden 3, iaitu *"Jangan selek la"* atau ayat sebenarnya ialah *"Jangan memilihlah"*. Mengikut tafsiran kefahaman responden tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa responden memahami perkataan *'selek'* ini yang bererti memilih. Keadaan ini selaras dengan konteks, seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Jika dilihat, responden mengaitkan perkataan ini dengan perkataan memilih kerana dalam perkataan *'selek'* merupakan perkataan daripada bahasa Inggeris iaitu *'select'*.

Selanjutnya, terdapat dua orang responden, iaitu responden 7 dan 15 yang memahami perkataan *'selek'* ini dalam konteks yang berbeza dengan contoh ayat *"selek siot perempuan ni"* dan *"kau makin selek sejak terkenal ni"*. Perkataan *'selek'* dalam data ini menunjukkan sifat sombong yang dipamerkan oleh seseorang individu. Pengkaji menanggapi bahawa ayat tersebut menunjukkan bahawa individu mempunyai sifat sombong setelah terkenal, maka individu tersebut memilih dalam segala hal dan bersifat sombong.

Teori Relevans menerapkan bahawa konteks merupakan bahagian penting dalam menginterpretasikan ujaran dengan melahirkan kesan konteks yang bersesuaian. Secara keseluruhan, kesan konteks dan usaha memproses maklumat yang rendah menjadikan sesuatu ujaran semakin relevan. Perkara ini dapat dilihat pada perkataan *'selek'* yang difahami oleh semua responden dengan baik dan mereka dapat menulis data bersesuaian dengan maksud *'selek'* yang terkenal dalam aplikasi media sosial TikTok. Semua responden dapat memproses maklumat berkaitan perkataan *'selek'* dan mereka boleh menulis data dengan tepat menggunakan perkataan ini. Oleh sebab responden dapat menanggapi makna *'selek'* mengikut konteks yang sesuai, maka usaha memproses atau menginterpretasi perkataan tersebut tidak sukar dan menjadi lebih mudah.

'Nok'

i.	Bahasa sumber	:	Bahasa Melayu (Bahasa Slanga)
ii.	Istilah/ejaan yang tepat	:	Tidak diketahui
iii.	Maksud sebenar	:	Tidak jelas
iv.	Makna yang difahami dalam konteks media sosial	:	Kata panggilan

Perkataan *'nok'* merupakan perkataan yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Menurut Mary Fatimah dan Muhammad Zaid (2018), perkataan *'nok'* merupakan istilah pelacuran yang

membawa maksud slanga, iaitu panggilan nama dalam kalangan pelacur. Tambahnya, perkataan *'nok'* berfungsi sebagai kata ganti nama diri orang kedua seperti awak, engkau dan anda.

Perkataan '*nok*' juga berkaitan dengan panggilan bagi golongan gender lelaki ketiga, iaitu maknyah. Selain daripada panggilan untuk pelacur, perkataan '*nok*' juga sering digunakan dalam golongan maknyah. Berikut merupakan hasil dapatan bagi perkataan '*nok*'. Namun demikian, terdapat perbezaan penggunaan bahasa sohor

kini oleh mahasiswa yang tidak memaksudkan bahawa perkataan '*nok*' itu sebagai pelacur, namun mereka hanya memahami bahawa perkataan ini merupakan kata panggilan bagi menggantikan nama. Berikut merupakan tangkap layar soalan dan jawapan responden bagi penggunaan kata '*nok*' oleh responden:

2/6/24, 5:58 PM ANALISIS PENGGUNAAN BAHASA SOHOR KINI DALAM TIKTOK OLEH MAHASISWA BERDASARKAN TEORI RELEVANS

BAHAGIAN B- MAKNA PERKATAAN SOHOR KINI YANG DIFAHAMI OLEH RESPONDEN

Berdasarkan perkataan sohor kini dibawah, nyatakan maksud yang anda fahami berkaitan perkataan tersebut dan berikan satu ayat mudah. Anda dikehendaki menulis (1) bagi perkataan yang difahami dan (2) untuk contoh ayat mudah yang akan dibina.

Contoh:
 Contoh Perkataan: **Palatau**
 1. Pura-pura tahu
 2. Kau ni takyah nak palatau la.

4. 1. Selek *

5. 2. Nok *

RAJAH 6: Tangkap layar bagi soalan '*nok*'

F	
2. Nok	
1. Weh	
2. "Ye, nok! Dia memang macamtu!"	
1. Panggilan untuk seseorang	
2. wei nok, cantik kan baju ni	
1. Weyh	
2. Nok, dah makan ke?	
1. panggilan 2. weh nok kau tahu tak.	
1. Nama panggilan kat orang	
2. Ko makan apa tu nok	
1. Weh	
2. Eh, ye nok! Dia memang macamtu.	
1. Nama panggilan	
2. Kau buat apa tu nok?	
1. Weh 2. Nok, jom makan.	
1. Weh	
2. Ko memang pandailah nokk! .	
1. Weh	
2. Kau kenapa nok?	
1. Weh 2. Nok, lepak mamak la.	
1. Weh 2. Kau buat apa, nok?	
1. Panggilan seseorang	
2. Kau nak apa, nok?	
1. Weh	
2. Nok, kau buat apa?	
1. Kata panggilan bagi menggantikan nama	
2. Berubah nok muka Azhar sejak buat pembedahan plastik di hidung	
1. Kata panggilan	
2. Yelah nok	
1. Panggilan kepada seseorang.	
2. Weyh nok, kau dalam bilik air tadi kan?	
1. Panggilan	
2. Kenapa, nok?	
1. Bahasa panggilan	
2. Tatahu la kita nok	
1. Panggilan kepada "kawan"	
2. Busuk qila mamat tu, kan nok?	

RAJAH 7: Tangkap layar jawapan responden bagi soalan 'nok'

JADUAL 2: Contoh ayat bagi perkataan 'nok'

Responden	Ayat
1	<i>Ye, 'nok'! Dia memang macamtu!</i>
2	<i>Wei 'nok', cantik kan baju ni</i>
3	<i>'Nok', dah makan ke?</i>
4	<i>Weh 'nok' kau tahu tak...</i>
5	<i>Ko makan apa tu 'nok'?</i>
6	<i>Eh, ye 'nok'! Dia memang macamtu.</i>
7	<i>Kau buat apa tu 'nok'?</i>
8	<i>'Nok', jom makan.</i>
9	<i>Ko memang pandailah 'nokk'! .</i>
10	<i>Kau kenapa 'nok'?</i>
11	<i>'Nok', lepak mamak la</i>
12	<i>Kau buat apa, 'nok'?</i>
13	<i>Kau nak apa, 'nok'?</i>

14	<i>'Nok', kau buat apa?</i>
15	<i>Berubah 'nok' muka Azhar sejak buat pembedahan plastik di hidung.</i>
16	<i>Yelah 'nok'</i>
17	<i>Weyh 'nok', kau dalam bilik air tadi kan?</i>
18	<i>Kenapa, 'nok'?</i>
19	<i>Tatahu la kita 'nok'</i>
20	<i>Busuk gila mamat tu, kan 'nok'?</i>

Perkataan *'nok'* sering digunakan dalam media sosial TikTok oleh pengengaruh dan juga menjadi percakapan seharian oleh mahasiswa UPSI. Kajian ini menunjukkan bahawa perkataan *'nok'* ini menjadi kata panggilan kepada seseorang dalam perbualan seharian. Berdasarkan data yang diperoleh daripada video-video di TikTok, pengkaji memperoleh pelbagai bahasa sohor kini seperti bahasa slanga yang sering dituturkan dalam komunikasi antara satu sama lain dalam situasi yang tidak formal. Bahasa slanga merupakan bahasa yang tidak formal dan dituturkan dalam sesuatu kelompok masyarakat mahupun ahli kumpulan minoriti.

Namun begitu, penggunaan bahasa slanga ini boleh merebak keluar daripada kelompok asalnya sehingga mudah difahami oleh kelompok yang lain (Siti Hajar 2009). Penggunaan bahasa slanga di TikTok ini menjadi ikutan antaranya perkataan *nok* oleh pelbagai peringkat usia terutama mahasiswa UPSI. Pengkaji menanggapi bahasa perkataan *nok* merupakan bahasa slanga bagi memanggil seseorang atau disebut kata panggilan bagi menggantikan nama kepada individu. Menurut data dalam jadual di atas, semua responden menggunakan perkataan *nok* sebagai kata panggilan pengganti nama individu. Contoh ayat bagi responden 1 iaitu *"Ye, nok! Dia memang macamtu!"*. Ayat sebenar bagi ayat ini, iaitu *"Ya, Ali! Dia memang begitu!"*.

Jika dilihat dengan lebih mendalam, perkataan *'nok'* juga seerti dengan panggilan *'weh'*. Perkataan *'nok'* atau *'weh'* ini dilihat seperti penggantian bagi memanggil nama individu lain. Penggunaan kata panggilan *'nok'* ini memberikan kesan keakraban antara penutur dan pendengar. Selain itu, perkataan *'nok'* juga merupakan kata panggilan nama kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan penutur yang menggunakan perkataan *'nok'* ini berkomunikasi secara tidak formal dalam kalangan mereka sahaja. Keadaan ini menjelaskan responden memahami maksud dan cara penggunaan perkataan ini. Hal ini juga menjadikan responden mampu menulis contoh ayat yang sesuai untuk merujuk kepada perkataan *'nok'*.

Walaupun perkataan *'nok'* bermaksud istilah pelacuran yang membawa maksud slanga iaitu panggilan nama dalam kalangan pelacur, namun pengkaji menanggapi bahawa mahasiswa tidak mengetahui maksud sebenar bagi perkataan *'nok'* tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana mahasiswa ini mengujarkan perkataan tersebut kerana perkataan tersebut sering digunakan dalam media sosial seperti TikTok oleh pengengaruh. Menurut Munirah dan Ira Meilita (2023) berpendapat bahawa pengengaruh menggunakan perkataan *'nok'* dan *'nyah'* apabila mereka menghasilkan video di media sosial. Menurut mereka, perkataan tersebut selalu digunakan bagi merujuk kepada panggilan lelaki gender ketiga dan juga tidak mengira siapa sahaja gemar menggunakannya bagi menarik minat dan perhatian pengikut ketika membuat kandungan video.

Berdasarkan Teori Relevans, semakin tinggi kesan konteks diperoleh, semakin rendah usaha memproses maklumat yang diperlukan. Maka semakin tinggi tahap relevan sesuatu ujaran. Konteks perkataan *'nok'* diandaikan oleh semua responden sebagai kata panggilan merupakan andaian yang paling relevan dengan contoh oleh responden 9, iaitu *"Kau memang pandailah nok"*. Amar Zaharin (2021) menyatakan bahawa kesan konteks merupakan andaian yang ada dalam diri pendengar tentang kerelevanan sesuatu ujaran itu dengan diri pendengar. Hal ini disebabkan oleh setiap maklumat pendengar yang diterima daripada penutur akan diproses untuk mendapatkan kesan konteks. Oleh yang demikian, kesan konteks berkaitan perkataan *nok* ini adalah tinggi kerana semua responden mampu menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran bagi ayat yang menggunakan perkataan *'nok'*. Dengan itu, pengkaji mendapati bahasa usaha memproses maklumat bagi perkataan ini adalah rendah kerana semua responden mampu mentafsirkan, memahami perkataan *'nok'* dengan baik dan mereka dapat menulis ayat dengan konteks yang sesuai.

'Harey'

i.	Bahasa sumber	:	Bahasa Arab
ii.	Istilah/ejaan yang tepat	:	Haram
iii.	Maksud sebenar	:	a) Hukum tegahan (dalam Islam) yang dijanjikan ganjaran pahala dan dosa bagi orang yang mengingkarinya b) Ditegah (terlarang) oleh undang-undang, tidak sah (di sisi undang-undang) c) Sungguh-sungguh, betul-betul, benar-benar d) Sedikit pun, langsung (tidak)
iv.	Makna yang difahami dalam konteks media sosial	:	a) Teruk b) Haram

Perkataan bahasa sohor kini '*harey*' merupakan perkataan '*haram*' dalam bahasa Kelantan. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan '*haram*' mempunyai pelbagai maksud, iaitu: (i) hukum tegahan dalam Islam yang yang dijanjikan ganjaran pahala dan dosa bagi orang yang mengingkarinya, (ii) Ditegah (terlarang) oleh undang-undang, tidak

sah (di sisi undang-undang), (iii) Sungguh-sungguh, betul-betul, benar-benar dan iv) Sedikit pun, langsung (tidak). Namun demikian, berbeza pula dengan penggunaan perkataan '*harey*' oleh mahasiswa dalam konteks media sosial TikTok, iaitu teruk atau buruk. Berikut merupakan tangkap layar soalan dan jawapan responden bagi penggunaan kata '*harey*' oleh responden:

15. 12. Chol *

16. 13. Harey *

17. 14. Tiber *

RAJAH 8: Tangkap layar bagi soalan '*harey*'

Q	
13. Harey	
1. Haram	
2. Harey sungguh perangai kau	
1. Teruk	
2. Harey la kau.	
1. Haram	
2. Perangai tu macam harey	
1. Teruk betul 2. Harey betul perangai kau ni.	
1. Teruk perangai	
2. Harey hang ni janji tak pernah nak tepati	
1. Haram	
2. Perangai macam harey	
1. Haram	
2. Harey kau ni, buat itu pun mengungkit	
1. Haram 2. Harey betul budak ni!	
1. Teruk betul	
2. Harey betoi polis tu. Boleh dia pi langgar budak sekolah tu sampai dua kali.	
1. Teruk	
2. Harey betul	
1. haram 2. Harey betul mamat ni.	
1. Perangai yang tidak baik 2. Harey weh perangai di, tolonglah!	
1. Tingkah laku yang tidak baik.	
2. Harey lah perangai kau!	
1. Haram	
Harey betul, aku baru nak makan.	
1. Teruk sangat 2. Makin besar, makin harey perangai tu	
1. Perangai haram	
2. Perangai macam harey	
1. Haram	
2. Harey sungguh la kau.	
1. Tak guna/ Haram	
2. Harey betul, barang motor aku tak sampai lagi.	
1. Haram	
2. Harey hang ni	
1. Haram	
2. Sejak berhenti sekolah, makin harey perangai kau kan.	

RAJAH 9: Tangkap layar jawapan responden bagi soalan 'harey'

Jadual 3: Contoh Ayat bagi Perkataan 'harey'

Responden	Ayat
1	'Harey' sungguh perangai kau
2	'Harey' la kau.
3	Perangai tu macam 'harey'
4	'Harey' betul perangai kau ni.
5	'Harey' hang ni janji tak pernah nak tepati
6	Perangai macam 'harey'
7	'Harey' kau ni, buat itu pun mengungkit
8	'Harey' betul budak ni!
9	'Harey' betul! Boleh dia pi langgar budak sekolah tu sampai dua kali.
10	'Harey' betul
11	'Harey' betul mamat ni.

12	'Harey' weh perangai di, tolonglah!
13	'Harey' lah perangai kau!
14	'Harey' betul, aku baru nak makan.
15	Makin besar, makin 'harey'perangai tu
16	Perangai macam 'harey'
17	'Harey' sungguh la kau.
18	'Harey' betul, barang motor aku tak sampai lagi.
19	'Harey' hang ni
20	Sejak berhenti sekolah, makin 'harey'perangai kau kan.

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (DBP), terdapat beberapa makna bagi perkataan teruk, iaitu: (i) sangat kuat atau sangat berat, (ii) hebat sekali, (iii) susah atau sukar, dan (iv) amat sangat buruknya. Berdasarkan makna-makna yang telah dikaji, perkataan teruk yang mempunyai persamaan makna dengan perkataan 'harey', iaitu amat sangat buruknya. Perkataan 'harey' ini sering dikaitkan dengan tingkah laku atau perangai individu yang negatif atau buruk. Berdasarkan Jadual 3, semua responden memahami maksud 'harey' yang dimaksudkan dengan perkataan teruk. Responden 4 menghasilkan contoh ayat "Harey betul perangai kau ni" yang bermaksud "Teruk betul perangai kamu ini". Seterusnya, responden 15 juga memberikan contoh ayat "Makin besar, makin harey perangai tu". Ayat sebenar bagi ayat tersebut iaitu "Semakin besar, semakin teruk perangai kamu itu". Kedua-dua ayat tersebut menunjukkan bahawa responden memarahami individu kerana tingkah laku yang teruk.

Jelaslah bahawa semua responden mengetahui makna dan cara penulisan yang betul berdasarkan konteks perkataan bahasa sohor kini ini. Berdasarkan Teori Relevans, semakin tinggi

kesan yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevan ujaran tersebut. Analisis Teori Relevan menunjukkan bahawa responden mudah memahami makna perkataan 'harey' ini. Data kajian dalam Jadual 3 menjadi sumber bagi mendapatkan maksud yang lebih jelas untuk perkataan tersebut. Andaian-andaian yang dibina akan menuju ke arah pengembangan konteks perkataan ini yang menggambarkan keadaan teruk dari segi tingkah laku dan sebagainya. Perkara ini jelas membuktikan bahawa data yang dihasilkan oleh responden adalah relevan. Sesuatu andaian dapat dilihat berdasarkan tiga gagasan utama Teori Relevans iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Berdasarkan data kajian, penggunaan perkataan bahasa sohor kini 'harey' memberikan kesan konteks yang tinggi kepada responden menjadikan usaha memproses maklumat berkaitan perkataan ini difahami adalah rendah. Perkataan bahasa sohor kini 'harey' ini mudah diaplikasikan dalam komunikasi dan penulisan oleh responden kerana mereka mengetahui makna dan konteks ayat yang sesuai berdasarkan penulisan dalam Jadual 3.

'Tiber'

i.	Bahasa sumber	:	Bahasa Melayu
ii.	Istilah/ejaan yang tepat	:	Tiba-tiba
iii.	Maksud sebenar	:	Tidak disangka-sangka, dengan mendadak, sekonyong-konyong
iv.	Makna yang difahami dalam konteks media sosial	:	Tiba-tiba

Perkataan bahasa sohor kini 'tiber' merupakan perkataan daripada bahasa Melayu, iaitu tiba-tiba. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan 'tiba-tiba' yang bermaksud dengan tidak disangka-sangka, dengan mendadak atau sekonyong-konyong. Perkataan bahasa 'tiber' ini merupakan perkataan 'tiba-tiba' yang dipendekkan

penulisannya. Oleh itu, makna perkataan 'tiber' yang difahami oleh mahasiswa dalam konteks media sosial bersamaan dengan maksud sebenar bagi perkataan 'tiber'. Berikut merupakan tangkap layar soalan dan jawapan responden bagi penggunaan kata 'tiber' oleh responden:

:

16.	13. Harey *

17.	14. Tiber *

RAJAH 10: Tangkap layar bagi soalan 'tiber'

R	
14. Tiber	
1. Tiba-tiba	
2. Kau ni kenapa? Tiber	
1. Tiba tiba	
2. Asal kau tiber sangat ni?	
1. Tiba2	
2. Tiber je kau ni	
1. Tiba-tiba 2. Tiber sangat kau ni kenapa?	
1. Tiba tiba	
2. Lah ko ni tiber!	
1. Tiba-tiba	
2. Larghhh, tiberrrr marah orang.	
1. Tiba-tiba	
2. Tiber sangat kau puji-puji aku	
1. Tiba tiba 2. Dah kenapa kau? Tiber	
1. Perlakuan atau situasi secara tiba-tiba.	
2. Lahh tiber! Orang cakap pasal makanan, yang kau terjah masuk bab lain.	
1. Tiba tiba	
2. Tiber la kau ni	
1. Tiba-tiba 2. Tiber aku cerita lain kau faham lain.	
1. Tiba-tiba 2. Apa kau? Tiber	
1. Tiba-tiba	
2. Ah kau, tiber!	
1. Tiba-tiba	
2. Kau jangan tiber sangat boleh dok.	
1. Tiba-tiba	
2. Tiber nak pandang tak puas hati pulak	
1. Tiba'	
2. Lah Shila tiber	
1. Dengan tiba-tiba tanpa sebab.	
2. Tiber je kau ni.	
1. Tiba-tiba	
2. Marah pula, tiber!	
1. Tiba tiba	
2. Tiber je kau ni	
1. Tiba-tiba	
2. Tiber muka tak puas hati	

RAJAH 11: Tangkap layar jawapan responden bagi soalan 'tiber'

JADUAL 4: Contoh ayat bagi perkataan 'tiber'

Responden	Ayat
1	<i>Kau ni kenapa? 'Tiber'</i>
2	<i>Asal kau 'tiber' sangat ni?</i>
3	<i>'Tiber' je kau ni</i>
4	<i>'Tiber' sangat kau ni kenapa?</i>
5	<i>Lah ko ni 'tiber'!</i>
6	<i>Larghhh, 'tiberrrr' marah orang.</i>
7	<i>'Tiber' sangat kau puji-puji aku</i>
8	<i>Dah kenapa kau? 'Tiber'</i>
9	<i>Lahh 'tiber'! Orang cakap pasal makanan, yang kau terjah masuk bab lain.</i>
10	<i>'Tiber' la kau ni</i>
11	<i>'Tiber' aku cerita lain kau faham lain.</i>
12	<i>Apa kau? 'Tiber'</i>
13	<i>Ah kau, 'tiber'!</i>
14	<i>Kau jangan 'tiber' sangat boleh dok.</i>
15	<i>'Tiber' nak pandang tak puas hati pulak</i>
16	<i>Lah Shila 'tiber'</i>
17	<i>'Tiber' je kau ni.</i>
18	<i>Marah pula, 'tiber'!</i>
19	<i>'Tiber' je kau ni</i>
20	<i>'Tiber' muka tak puas hati</i>

Kini, bahasa sohor kini 'tiber' sering digunakan untuk menggantikan perkataan tiba-tiba. Tiba-tiba merupakan frasa bahasa Melayu yang digunakan untuk menyatakan sesuatu berlaku secara cepat, tanpa peringatan atau persediaan sebelumnya. Perkara ini dapat dikaitkan dengan kepelbagaian contoh ayat yang dihasilkan oleh 20 orang responden yang merupakan mahasiswa UPSI. Pengkaji mendapati bahawa semua responden memahami bahawa perkataan 'tiber' sebagai makna tiba-tiba kerana berdasarkan Jadual 4, semua responden menulis maksud sebenar perkataan 'tiber' adalah tiba-tiba.

Berdasarkan Jadual 4, pelbagai contoh ayat yang dihasilkan oleh 20 orang responden menggunakan perkataan bahasa sohor kini 'tiber'. Antara contoh ayat yang diberikan oleh responden 16 ialah "*Lah Shila tiber*" yang bermaksud "*Tiba-tibalah Shila*". Responden 3 pula menghasilkan contoh ayat "*Tiber je kau ni*" yang bermaksud "*Tiba tiba sahaja kamu ini*". Ayat ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan bahasa sohor kini 'tiber' mempunyai maksud yang sama dengan tiba-tiba yang diubah ejaan dan sebutan menjadi 'tiber'.

Menurut Marriane Tang et al. (2019), Teori Relevans merupakan teori yang penting dalam menghuraikan permasalahan linguistik bahasa Melayu terutama yang melibatkan persoalan pemaknaan. Dalam kajian ini, pemilihan Teori Relevans merupakan teori yang tepat bagi

menyelesaikan masalah pemaknaan bahasa bagi penggunaan perkataan bahasa sohor kini (*trending*) yang semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan mahasiswa. Responden mentafsir makna frasa bahasa sohor kini 'tiber' dengan menggunakan ayat daripada responden 15, iaitu "*Tiber nak pandang tak puas hati pulak*" yang bererti "*Tiba-tiba kamu hendak memandang puas hati terhadap saya*". Responden mengandaikan bahawa ayat tersebut menunjukkan bahawa individu secara tidak tersangka-sangka memandangnya dengan tidak berpuas hati.


Sperber dan Wilson (1986) mentakrifkan bahawa Teori Relevans menekankan bahawa konteks merupakan sebahagian penting dalam menterjemahkan ujaran dengan melahirkan kesan konteks yang bersesuaian. Hal ini dikatakan demikian kerana konteks adalah seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dan ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling hampir. Berdasarkan tafsiran yang dibina oleh responden, pengkaji dapat melihat responden memahami perkataan bahasa sohor kini 'tiber' menjuruskan kepada keadaan mendadak atau tidak disangka-sangka. Oleh hal yang demikian, usaha memproses maklumat berkaitan bahasa sohor kini 'tiber' ini adalah rendah kerana responden dapat mentafsirkan perkataan dan menghuraikan contoh ayat tersebut dengan baik dan betul.

'Slay'

i.	Bahasa sumber	:	Bahasa Inggeris
ii.	Istilah/ejaan yang tepat	:	Slay
iii.	Maksud sebenar	:	<i>a) to kill somebody/something in a war or a fight</i> <i>b) to murder somebody</i> <i>c) to impress someone very much or to be very good or impressive</i> <i>d) to make someone feel very upset or disappointed</i>
iv.	Makna yang difahami dalam konteks media sosial	:	a) Cantik b) Bergaya

Bahasa sumber bagi perkataan 'slay' merupakan bahasa Inggeris. Berdasarkan Oxford Learner's Dictionary (2022), perkataan 'slay' mempunyai beberapa maksud, iaitu: (i) *to kill somebody/ something in a war or a fight*, (ii) *to murder somebody*, (iii) *to impress someone very much or to be very good or impressive* dan (iv) *to*

make someone feel very upset or disappointed. Berdasarkan hasil dapatan kajian, makna yang difahami oleh mahasiswa dalam konteks media sosial TikTok iaitu cantik. Berikut merupakan tangkap layar soalan dan jawapan responden bagi penggunaan kata 'tiber' oleh responden:



RAJAH 12: Tangkap layar bagi soalan 'slay'

S	
15. Slay	
1. Cantik	
2. Biarlah sedih yang penting, slay!	
1. Cantik	
2. Eh Nina, kau nampak slay la!	
1. Sangat cantik	
2. Slay tak aku?	
1. Cantik 2. Aku memang slay.	
1. Cantik gila/menawan	
2. Ko ni slayyyyyy la harini outfit ko	
1. Cantik	
2. Tetaplah slay walaupun kena marah	
1. cantik	
2. Slay girl	
1. cantik 2. Kau memang slayy	
1. Pujian terhadap tingkah laku, pemakaian, gaya percakapan dan prestasi seseorang.	
2. Zaiton : Hidup sekarang kena kuat. Sesiapa nak berkawan, kita terima. Sesiapa nak belah, dipersilakan. Kita bukan boleh puaskan hati semua orang! Mariam : Slay engko Zaiton! Minat betul dengan pendirian engko!	
1. Cantik betul	
2. Wuuuu slay'	
1. Cantik 2. Baju dia slayy	
1. cantik sangat 2. Cantik weh baju dia. Slayy	
1. Sumpah Cantik	
2. Slayy lah dia tuu!	
1. cantik	
Nyah, slaynya kau.	
1. cantik	
2. Atilia pakai baju merah tu nampak makin slay	
1. Menarik	
2. Tetap slay	
1. cantik	
2. Kau tetap slay ye.	
1. Cantik	
2. Slay sangatlah tu pakai baju tu.	
1. Cantik	
2. Slay do kau	
1. cantik	
2. Haziqah nampak slay bila pakai baju qaun puteri itu	

RAJAH 13: Tangkap layar jawapan responden bagi soalan 'slay'

Jadual 5: Contoh Ayat bagi Perkataan 'slay'

Responden	Ayat
1	<i>Biarlah sedih yang penting, 'slay'!</i>
2	<i>Eh Nina, kau nampak 'slay' la!</i>
3	<i>'Slay' tak aku?</i>
4	<i>Aku memang 'slay'.</i>
5	<i>Ko ni 'slayyyyyy' la harini outfit ko</i>
6	<i>Tetaplah 'slay' walaupun kena marah</i>
7	<i>'Slay' girl</i>
8	<i>Kau memang 'slayy'</i>
9	<i>Zaiton: Hidup sekarang kena kuat. Sesiapa nak berkawan, kita terima. Sesiapa nak belah, dipersilakan. Kita bukan boleh puaskan hati semua orang! Mariam: 'Slay' engko Zaiton! Minat betul dengan pendirian engko!</i>

10	<i>Wuuuu 'slay'~</i>
11	<i>Baju dia 'slayy'</i>
12	<i>Cantik weh baju dia. 'Slayy'</i>
13	<i>'Slayy' lah dia tuu!</i>
14	<i>Nyah, 'slay'nya kau.</i>
15	<i>Atilia pakai baju merah tu nampak makin 'slay'</i>
16	<i>Tetap 'slay'</i>
17	<i>Kau tetap 'slay' ye.</i>
18	<i>'Slay' sangattlah tu pakai baju tu.</i>
19	<i>'Slay' do kau</i>
20	<i>Haziqah nampak 'slay' bila pakai baju gaun puteri itu</i>

Perkataan *'slay'* yang difahami oleh golongan mahasiswa bermaksud cantik. Perkataan *'slay'* ini menggambarkan individu yang melakukan sesuatu dengan hebat, cemerlang dan bergaya. Perkataan ini juga merujuk kepada penggunaan dalam konteks kecantikan, fesyen, gaya yang menunjukkan bahawa individu tersebut sangat menarik dan memukau. Selain itu juga, perkataan *'slay'* ini boleh diaplikasikan dalam konteks prestasi atau kejayaan untuk menggambarkan individu melakukan sesuatu perkara dengan baik dan mengagumkan. Berdasarkan Jadual 5, pengkaji memperoleh hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa responden mentakrifkan bahawa *'slay'* bermaksud cantik. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (DBP 2024) mentafsirkan bahawa cantik bermaksud sangat menarik apabila dipandang. Perkataan *'cantik'* merupakan kata adjektif dalam bahasa Melayu yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang menarik secara visual. Jika dilihat dalam bahasa Inggeris, makna *'slay'* boleh mendukung maksud *to impress someone very much*. Sejalan dengan konteks penggunaannya ini, maka penutur menggunakan perkataan *'slay'* untuk menggambarkan unsur kekaguman terhadap kecantikan seseorang.

Berdasarkan contoh, ayat responden 2, "*Eh Nina, kau nampak slay la!*" yang bermaksud "*Eh, Nina. Awak nampak cantiklah!*". Ayat tersebut merupakan pujian daripada responden terhadap

individu tersebut. Seterusnya, responden 6 menyatakan contoh ayat "*Tetaplah slay walaupun kena marah*". Ayat sebenar bagi ayat contoh tersebut, iaitu "*Tetaplah cantik walaupun dimarahi*". Ayat ini jelas menunjukkan bahawa responden memahami makna perkataan *'slay'* ini dengan betul. Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan contoh ayat yang dihasilkan oleh responden sesuai dengan konteks penggunaan perkataan *'slay'* dengan tepat.

Berdasarkan Teori Relevans, semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Perkataan *'slay'* ini sering digunakan untuk menjelaskan sesuatu yang cantik. Oleh yang demikian, pendengar dapat menginterpretasi keseluruhan terhadap makna perkataan *'slay'*. Dalam teori ini, pendengar akan memastikan usaha memproses maklumat rendah namun, kesan konteks yang tinggi menghasilkan penterjemahan yang selaras dengan hasrat penutur. Andaian yang dibuat oleh pendengar akan menjurus kepada pembentukan andaian yang relevan yang sama dengan hasrat penutur. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa semua responden memberikan jawapan yang selaras dengan maksud sebenar perkataan bahasa sohor kini *'slay'* kerana mereka memahami makna perkataan *'slay'* ini dan menulis contoh ayat dengan tepat berdasarkan konteks makna perkataan *'slay'*.

Objektif 2: Kesan Penggunaan Bahasa Sohor Kini

Bahagian ini membincangkan kesan penggunaan bahasa sohor kini, dalam kalangan mahasiswa UPSI. Antara kesan penggunaan bahasa sohor kini, iaitu menjejaskan kesantunan berbahasa,

tidak berupaya menggunakan bahasa Melayu dengan baik, kecelaruan berbahasa, dan mengancam keupayaan bertutur secara formal.

Menjejaskan Kesantunan Berbahasa

Penggunaan bahasa sohor kini yang mengandungi bahasa slanga, bahasa rojak, bahasa rancu dan percampuran kod secara tidak terkawal akan menjejaskan kesantunan berbahasa. Hal ini demikian kerana bentuk bahasa tidak formal tersebut sering mengandungi perkataan atau ungkapan yang tidak santun serta

menyimpang daripada norma bahasa baku. Keadaan ini berlaku apabila penutur lebih mengutamakan keseronokan dan kepuasan dalam menyampaikan maklumat berbanding penerapan nilai-nilai murni ketika berbahasa. Dalam konteks ini, kesantunan berbahasa merupakan aspek penting sama ada dalam komunikasi lisan

mahupun penulisan kerana setiap perlakuan harian manusia berkait rapat dengan budi bahasa, adab dan nilai etika yang tinggi. Sekiranya penggunaan bahasa sohor kini tidak dikawal, ungkapan yang bersifat kasar atau tidak sopan boleh memberikan kesan negatif terhadap penutur, khususnya apabila digunakan dalam situasi formal atau rasmi.

Amalan kesantunan berbahasa juga berfungsi sebagai lambang identiti diri penutur. Dalam masyarakat Melayu khususnya, kesantunan berbahasa amat dititikberatkan kerana amalan tersebut mencerminkan keperibadian yang baik. Kepelbagaian kaum, bangsa, agama, bahasa dan dialek di Malaysia menuntut setiap individu untuk lebih peka terhadap penggunaan bahasa dalam interaksi sosial. Malahan juga, penggunaan bahasa yang bersesuaian antara generasi muda dan generasi tua juga perlu dipertimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua lapisan masyarakat mampu memahami gaya pertuturan atau penggunaan bahasa sohor kini yang digunakan oleh golongan tertentu. Sebagai contoh, Awang Sariyan (2021) menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga yang tidak terkawal boleh menjadikan masyarakat bersifat semakin permisif dan liberal, sekali gus menghakis adab, akhlak dan tamadun. Situasi ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa tanpa mempertimbangkan latar sosial dan budaya pendengar boleh menjejaskan keharmonian komunikasi.

Selain itu, penggunaan bahasa sohor kini yang berlebihan juga berpotensi mengguris

perasaan pendengar atau pembaca, terutamanya apabila penutur berkomunikasi dengan individu yang lebih berusia. Hal ini berlaku kerana golongan tersebut mungkin tidak memahami maksud sebenar ungkapan bahasa sohor kini yang digunakan, lalu menganggap ujaran tersebut sebagai tidak sopan atau biadab. Perbezaan generasi dan latar pengalaman bahasa menyebabkan wujudnya jurang kefahaman dalam komunikasi. Oleh itu, kepekaan terhadap situasi, audiens dan konteks penggunaan bahasa amat penting bagi memastikan kesantunan berbahasa terus terpelihara dalam interaksi sosial.

Penelitian terhadap mahasiswa UPSI mendapati bahawa golongan ini kerap menggunakan bahasa sohor kini seperti bahasa slanga, bahasa rojak, bahasa rancu dan percampuran kod dalam komunikasi harian mereka. Antara contoh perkataan yang sering digunakan ialah “selek”, “nok”, “raklu pape roger”, “nyah”, “mur mur”, “palatau”, “cakep”, “gais/gaisek”, “mat”, “kena kena kena”, “sebang kari”, “choi”, “harey”, “tiber” dan “slay”. Walaupun penggunaan bahasa tersebut dianggap sesuai dalam kelompok sosial tertentu, mahasiswa sebagai golongan terdidik seharusnya menjadi contoh kepada masyarakat dalam penggunaan bahasa yang santun dan berhemah. Hal ini demikian kerana mahasiswa berperanan sebagai agen perubahan dan pemangkin dalam memelihara martabat bahasa pada masa hadapan. Justeru, penggunaan laras bahasa yang sesuai dan sopan perlu dititikberatkan agar kesantunan berbahasa terus terpelihara selaras dengan situasi dan konteks komunikasi.

Tidak Berupaya Menggunakan Bahasa Melayu dengan Baik

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa mahasiswa cenderung menggunakan perkataan-perkataan sohor kini ketika berkomunikasi dengan rakan sebaya, sama ada melalui komunikasi bersemuka mahupun melalui pelbagai platform media sosial. Penggunaan bahasa sohor kini ini didapati tidak mematuhi aspek laras bahasa yang betul, sekali gus memberikan kesan terhadap keupayaan dan kemahiran berbahasa dalam kalangan mahasiswa. Sebagai contoh, golongan penutur yang kurang terdedah dengan penggunaan bahasa sohor kini mungkin akan berhadapan dengan kesukaran untuk memahami makna perkataan yang digunakan oleh penutur yang menggunakan bahasa tersebut. Malah, kekerapan menggunakan bahasa sohor kini dalam kalangan penutur yang sering menggunakannya juga mungkin akan mewujudkan kebiasaan berkomunikasi menggunakan perkataan-perkataan tersebut hingga menyebabkan kualiti penggunaan bahasa Melayu mereka tidak berada pada tahap yang baik. Sebagai mahasiswa, mereka perlulah bijak menggunakan bahasa dengan berhemah,

bukannya menggunakan bahasa secara semborono hingga mengakibatkan kegagalan menggunakan bahasa Melayu dengan baik.

Pertambahan penggunaan perkataan sohor kini yang semakin meluas dari semasa ke semasa berada pada tahap yang membimbangkan. Fenomena ini menjejaskan keterampilan berbahasa dalam kalangan mahasiswa kerana penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan berkesan semakin diabaikan. Keterampilan berbahasa merupakan satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh setiap individu, terutamanya golongan terpelajar. Sekiranya bahasa Melayu tidak digunakan dengan baik dan betul, hal ini bukan sahaja menjejaskan keupayaan individu tersebut, malah turut memberi kesan terhadap imej dan martabat bahasa kebangsaan. Seperti yang sedia maklum, bahasa merupakan unsur penting dalam pembentukan budaya dan identiti kebangsaan sesebuah negara. Oleh itu, ketidakcekapan dalam penggunaan bahasa Melayu boleh ditafsirkan sebagai kurangnya penghargaan terhadap budaya dan identiti Malaysia.

Nasihah et al. (2016) menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga boleh memberikan kesan negatif terhadap kemandirian bahasa ibunda dan seterusnya mencemarkan kekuatan makna sebenar bahasa tersebut akibat berlakunya penyimpangan makna. Dalam konteks ini, perkataan-perkataan yang kerap digunakan dan diperdengarkan melalui aplikasi media sosial telah menjadi ikutan dalam kalangan mahasiswa. Pengaruh media sosial seperti TikTok,

mendorong mahasiswa mengaplikasikan perkataan sohor kini yang sering didengar atau dilihat tanpa menilai kesesuaiannya dalam konteks penggunaan bahasa yang betul. Sekiranya penggunaan bahasa sohor kini tidak dikawal, mahasiswa berpotensi mengalami kesukaran menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik, sama ada dalam komunikasi lisan mahupun dalam penulisan akademik.

Kecelaruhan Berbahasa

Shafezah (2021) menjelaskan bahawa secara realiti, usaha memartabatkan bahasa Melayu khususnya dalam masyarakat kini berhadapan dengan cabaran. Penggunaan bahasa campuran seperti bahasa rojak khususnya melalui media sosial telah mempengaruhi cara berbahasa dan berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Penggunaan media sosial menekankan kepantasan mesej yang disampaikan, selain lebih cenderung mengikut trend berbanding memastikan penggunaan bahasa dan tatabahasa betul. Hal ini akan mencetuskan kecelaruhan dalam berbahasa. Menurut Shafezah lagi, keadaan ini akan mengakibatkan bahasa Melayu mengalami kemerosotan dan kehilangan kualiti, nilai serta ciri unggul selaku bahasa kebangsaan.

Penggunaan bahasa sohor kini dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda, telah menyumbang kepada isu kecelaruhan berbahasa apabila bentuk bahasa yang tidak mematuhi norma tatabahasa dan laras bahasa standard digunakan secara meluas dalam komunikasi harian. Bahasa sohor kini lazimnya bersifat ringkas, kreatif dan dipengaruhi oleh media sosial, menyebabkan berlakunya pencampuran kod, pengguguran imbuhan serta perubahan makna asal sesuatu perkataan. Contohnya, penggunaan ungkapan seperti "*dia memang win*", "*aku dah blur gila*" atau "*cerita tu over sangat*" memperlihatkan penyisipan bahasa Inggeris dalam struktur ayat bahasa Melayu yang tidak gramatis. Keadaan ini menimbulkan kecelaruhan berbahasa apabila pengguna gagal membezakan konteks penggunaan bahasa tidak formal dengan bahasa formal, sekali gus menjejaskan ketepatan dan kejelasan penyampaian makna.

Selain itu, penggunaan bahasa sohor kini yang berterusan turut memberi kesan terhadap

penguasaan bahasa standard, terutamanya dalam penulisan akademik dan komunikasi rasmi. Apabila bentuk bahasa tidak baku dibiasakan dalam interaksi seharian, pengguna cenderung untuk membawa bentuk tersebut ke dalam situasi formal tanpa sedar. Misalnya, penggunaan singkatan dan slanga seperti "*btw*", "*idk*", "*lol*" atau bentuk ejaan tidak standard seperti "*x*" bagi "*tidak*" dan "*org*" bagi "*orang*" dalam tugas bertulis mencerminkan kecelaruhan dalam pemilihan ragam bahasa. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan mutu bahasa, malah boleh mengaburkan struktur sintaksis dan semantik ayat, sekali gus mengganggu proses pemahaman pembaca serta merendahkan kualiti wacana akademik.

Dalam konteks ini, mahasiswa memainkan peranan penting sebagai golongan intelektual dan agen perubahan dalam mengawal penggunaan bahasa sohor kini agar tidak menimbulkan kecelaruhan berbahasa. Mahasiswa perlu mempunyai kesedaran linguistik untuk membezakan penggunaan bahasa mengikut situasi dan tujuan komunikasi, sama ada dalam konteks tidak formal seperti interaksi rakan sebaya mahupun dalam konteks formal seperti penulisan akademik, pembentangan dan komunikasi rasmi. Penguasaan laras bahasa yang betul akan membantu mahasiswa mengekalkan kejelasan makna serta ketepatan struktur bahasa, di samping mengelakkan penggunaan slanga, singkatan dan pencampuran kod yang berlebihan. Dengan sikap berdisiplin dalam berbahasa, mahasiswa bukan sahaja dapat memelihara mutu bahasa Melayu standard, malah berupaya menjadi contoh teladan kepada masyarakat dalam penggunaan bahasa yang santun dan berwibawa.

Mengancam Keupayaan Bertutur secara Formal

Penggunaan bahasa sohor kini juga memberikan kesulitan dalam melaksanakan komunikasi formal. Individu yang sering menggunakan bahasa sohor kini dalam kehidupan seharian akan terbiasa menggunakan perkataan atau ayat tersebut. Oleh sebab mereka mungkin terbiasa dengan gaya bahasa yang santai dan kurang

formal, maka mereka akan berasa sedikit janggal atau canggung apabila mereka berkomunikasi secara formal dengan lancar. Sebagai conroh, Mohd Rozaimy (2020) menjelaskan faktor kemahiran komunikasi merupakan antara punca utama siswazah menganggur. Di Malaysia, kadar pengangguran meningkat kepada 3.5 peratus

pada Mei 2020. Menurutnya lagi, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan negara kita perlu dititiberatkan kerana bahasa turut dijadikan ukuran dalam sesi temu duga pekerjaan. Namun demikian, terdapat beberapa calon dalam kalangan siswazah yang menggunakan bahasa yang tidak tepat ketika sesi temu duga berlangsung.

Penggunaan bahasa sohor kini memberi kesan yang signifikan terhadap kegagalan penggunaan bahasa Melayu secara formal, khususnya apabila bentuk bahasa tidak baku dibiasakan dalam komunikasi harian. Bahasa sohor kini lazimnya menampilkan ciri ringkas, ekspresif dan tidak terikat kepada peraturan tatabahasa standard, menyebabkan pengguna kurang peka terhadap penggunaan laras bahasa yang sesuai mengikut konteks. Akibatnya, berlaku pemindahan bentuk bahasa tidak formal ke dalam situasi rasmi seperti penulisan akademik, laporan atau komunikasi institusi. Contohnya, penggunaan ungkapan seperti “*isu ni memang legit*”, “*hasil kajian tu agak random*” atau “*data ni tak strong*” menunjukkan pengaruh slanga dan pencampuran kod bahasa Inggeris yang menjejaskan keformalan bahasa Melayu. Fenomena ini memperlihatkan kegagalan penutur mengekalkan ciri bahasa formal yang menuntut ketepatan leksikal, struktur ayat yang gramatis serta pemilihan istilah yang sesuai.

Selain itu, penggunaan bahasa sohor kini secara berlebihan turut melemahkan penguasaan kosa kata formal dalam bahasa Melayu, sekali

gus mengurangkan keupayaan penutur mengekspresikan idea secara ilmiah dan tersusun. Apabila penutur lebih selesa menggunakan bahasa popular yang bersifat santai dan tidak standard, mereka cenderung untuk mengabaikan istilah formal yang tepat. Misalnya, penggunaan singkatan dan ejaan tidak baku seperti “x” bagi “*tidak*”, “*sbb*” bagi “*sebab*” atau ungkapan media sosial seperti “*on point*” dan “*related sangat*” dalam konteks rasmi mencerminkan kegagalan mengaplikasikan bahasa Melayu formal dengan betul. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan mutu penulisan dan komunikasi rasmi, malah berpotensi menghakis kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa rasmi dalam wacana akademik serta profesional.

Menurut Nasihah et al. (2016), penggunaan bahasa slanga perlu dibendung bagi memastikan penggunaan bahasa berkenaan diminimumkan dalam bentuk tulisan bahkan untuk tujuan urusan rasmi. Hal ini amat penting bagi mengelakkan kesantunan, kesopanan dan kemurnian dalam bahasa Melayu terjejas disebabkan penggunaan bahasa tersebut. Perkara ini selaras dengan penggunaan bahasa yang formal dalam situasi yang formal. Sebagai contoh, penulisan surat rasmi perlu menggunakan bahasa Melayu standard yang dapat memperlihatkan tujuan rasmi oleh individu. Individu hendaklah menyesuaikan gaya dan tahap formaliti bahasa bersesuaian dengan situasi dan konteks komunikasi.

KESIMPULAN

Rumusannya, terdapat banyak kesan yang mempengaruhi penggunaan bahasa sohor kini atau juga dikenali sebagai bahasa slanga seperti kecelaruan bahasa dan menjejaskan kesantunan berbahasa. Setiap kesan ini didorong oleh pengaruh penggunaan bahasa slanga yang sangat kerap dalam kehidupan seharian dan kebimbangan untuk keluar daripada keselesaan serta kurang keberanian untuk bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu standard.

Umumnya, terdapat banyak manfaat yang akan diperoleh sekiranya pengguna dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik. Penggunaan bahasa sohor kini tidak dianggap salah, namun ia haruslah digunakan mengikut kesesuaiannya terutama dalam situasi formal. Sehubungan dengan itu, kesedaran mengenai kepentingan penggunaan Bahasa Melayu Standard dalam kalangan pengguna perlu dipertingkatkan demi kebaikan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Amar Zaharin. 2021. Makna ujaran implisit dalam filem *Pekak*: Analisis Teori Relevans. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1): 81-90.
- Andriyana, Daroe Iswatiningsih, Jenal Mahmud, Ode Evi Yulianti & Ton Thi Thuy Trang. 2021. Bahasa kolokial pada kalangan remaja Indonesia (Kajian etnolinguistik). *Jurnal Pendidikan Tiktok terhadap Variasi Bahasa dan Sastra Indonesia*, 17(1): 34-41.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali. 2020. Keracunan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2): 97-132.
- Awang Sariyan. 2021. Bahasa slanga cemar imej bahasa Melayu. *Utusan Malaysia*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/bahasa-slanga-cemar-imej-bahasa-melayu/>
- Cambridge English Dictionary*. 2022. London: Cambridge University Press.
- Firdaus Mul. 2022. Anak muda perlu peka akan kesantunan berbahasa. *Majalah Dewan Bahasa*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan

- <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/11/10/6068/>
- Maahzir Khalid. 2017. Bahasa rojak media sosial cabar Bahasa Melayu. *Berita Harian*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/10/332837/bahasa-rojak-media-sosial-cabar-bahasa-melayu>
- Hidayah Shafiee et al. 2019. Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15): 141-153.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. 2021. Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1): 1-20.
- Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. 2018. Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(1): 29-43.
- Mohd Rozaimy Ridzuan. 2020. Slanga Jejas Peluang & Status. *Akhbar Metro*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/08/613716/slanga-jejas-peluang-status>
- Munirah Zulkifli & Ira Meilita Ibrahim. 2023. Penggunaan bahasa slanga di media sosial dalam kalangan pencipta kandungan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/SUTERA2023/SUTERA_2023_201-210.pdf
- Nasihah Hashim et al. 2016. Bahasa Slanga dalam Komik Kanak-Kanak (Slang in Children's Comic). *2nd International Convention on Islam, Science & Education*. 1-10. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan https://www.researchgate.net/publication/308964425_BAHASA_SLANGA_DALAM_KOMIK_KANAK-KANAK_SLANG_IN_CHILDREN'S_CO_MIC#fullTextFileContent
- Noriah Mohamed, Waris Pendeta, Mohd. Sis Yatim, Wahida Abd. Wahid & Zulkarnain Farihin Abdullah. 2015. *Bahasa Melayu Topikal Penggal 3 Tingkatan Enam*. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2022. Penggunaan bahasa rancu dalam medium Twitter oleh Generasi Z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(12): 19-28.
- Oxford University Press. 2022. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford Learner's Dictionary.
- Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. 2022. *Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial*. <https://www.kkd.gov.my/awam/berita/2022-6-malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2024. *Kamus Dewan Online*. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Sari Anjani & Irwansyah. 2020. Peranan influencer dalam mengkomunikasikan pesan di media sosial Instagram. *POLYGLOT. Jurnal Ilmiah*, 16(2): 203-229.
- Shafezah Abdul Wahab. 2021. Pemimpin perlu terajui inisiatif martabatkan bahasa kebangsaan. *Berita Harian*. Diakses pada 17 Disember 2025 di pautan <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/12/894268/pemimpin-perlu-terajui-inisiatif-martabatkan-bahasa-kebangsaan>
- Siti Hajar Abdul Aziz. 2009. *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sperber, D. & D. Wilson. 1995. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Syazwana Aziz, Noraini Abul Raop & Muhammad Fadzil Ahmad Shukor. 2021. Pengaruh faktor teknologi maklumat dan komunikasi terhadap kualiti hidup dalam kalangan belia. *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6(1): 110-126.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2012. Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16: 62-74.